

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganusebagai memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Sains

**HUBUNGAN ANTARA KECEKAPAN SOSIAL DAN KECERDASAN EMOSI
TERHADAP TINGKAH LAKU KENAKALAN DALAM KALANGAN KANAK-
KANAK PRASEKOLAH DI DAERAH KUALA NERUS: (PERSPEKTIF IBU BAPA)**

MOHD IZZAMUDDIN BIN NADIN2021

Penyelia utama : Nor Aizal Akmal Binti Rohaizad, Ph.D. Fakulti/Institut
: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Kecekapan sosial dan kecerdasan emosi merupakan sebuah proses perkembangan yang bersifat berterusan dan mampu memberi kesan yang signifikan terhadap tingkah laku kanak-kanak prasekolah. Namun begitu, rendahnya tahap kecekapan sosial dan kecerdasan emosi akan memberi kesan negatif terhadap tingkah laku kenakalan kanak-kanak prasekolah. Oleh itu pengkaji ingin mengenalpasti tahap kecekapan sosial, kecerdasan emosi dan tingkah laku kenakalan kanak-kanak prasekolah serta hubungansignifikan yang mungkin wujud di antara kecekapan sosial dan kecerdasan emosi terhadap tingkah laku kenakalan kanak-kanak prasekolah. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik dan diedarkan kepada 106 orang ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak prasekolah di empat buah sekolah di daerah tersebut. Analisis deskriptif dan inferensi digunakan untuk menjawab kesemua persoalan kajian. Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah mencatatkan tahap kecekapan sosial yang tinggi, tahap sederhana tinggi dalam kecerdasan emosi dan berada dalam tahap yang rendah bagi tingkah laku kenakalan. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan berkadar songsang antara kecekapan sosial dengan tingkah laku kenakalan Kecerdasan emosi juga mencatatkan hubungan yang signifikan dan berkadar songsang dengan tingkah laku kenakalan. Kesimpulannya, satu modul aktiviti berasaskan elemen kecekapan sosial dan kecerdasan emosi haruslah dibentuk khusus untuk kanak-kanak prasekolah bagi meningkatkan perkembangan sosioemosi mereka dan dapat mencegah kelakuan tingkah laku yang negatif.